

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 18 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 21

Bahan kitar semula terkumpul meningkat

Kuala Lumpur: Sebanyak 2.5 juta kilogram (kg) bahan kitar semula dikutip bagi kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang tahun ini.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan lima kali ganda berbanding 2015 yang hanya mencatatkan 500,000kg bahan kitar semula terkumpul.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) Datuk Mohd Zain Hassan berkata, peningkatan itu membuktikan kesedaran masyarakat mengumpul bahan kitar semula semakin baik berbanding sebelum ini.

Menurutnya, Alam Flora sentiasa memainkan pe-

ranan signifikan di tiga kawasan kendaliannya itu supaya kesedaran masyarakat semakin bertambah.

"Jumlah bahan kitar semula terkumpul meningkat dari tahun ke tahun hasil inisiatif Alam Flora bersama pelbagai pihak menganjurkan program kesedaran.

"Bahan kitar semula mengurangkan kebergantungan industri kepada bahan semula jadi seperti pokok untuk diproses menjadi produk," katanya selepas merasmikan Alam Flora City Hunt #jomrawatbumi di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, semalam.



MOHD Zain menyampalkan hadiah kepada peserta Program Alam Flora City Hunt 2019 di Dataran DBKL, semalam.